



PARLIMEN MALAYSIA



RANG UNDANG-UNDANG

**Mahkamah Syariah (Bidang Kuasa Jenayah) (Pindaan dan
Perluasan) 1989**

DR.10/1989

D.R. 10/89

Naskhah Sahih—Bahasa Inggeris

RANG UNDANG-UNDANG

bernama

Suatu Akta untuk meminda Akta Mahkamah Syariah (Bidang kuasa Jenayah) 1965 dan untuk memperluaskan pemakaian Akta itu sebagaimana dipinda kepada semua Negeri di Malaysia.

[]

MAKA INILAH DIPERBUAT UNDANG-UNDANG oleh Duli Yang Maha Mulia Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong dengan nasihat dan persetujuan Dewan Negara dan Dewan Rakyat yang bersidang dalam Parlimen, dan dengan kuasa daripadanya, seperti berikut :

1. Akta ini bolehlah dinamakan Akta Mahkamah Syariah (Bidang kuasa Jenayah) (Pindaan dan Perluasan) 1989. Tajuk ringkas.
2. Seksyen 1 Akta Mahkamah Syariah (Bidang kuasa Jenayah) 1965, yang disebut “Akta ibu” dalam Akta ini, adalah dipinda dengan menggantikan perkataan-perkataan “hanya bagi Negeri-Negeri di Malaysia Barat.” dalam subseksyen (2) dengan perkataan-perkataan “bagi semua Negeri di Malaysia.”. Pindaan seksyen 1. Akta 355.
3. Seksyen 3 Akta ibu adalah dipinda dengan memasukkan selepas perkataan-perkataan “Akta ini” perkataan-perkataan “berhubungan dengan Negeri-Negeri di Malaysia Barat dan yang sebelum mula berkuatkuasanya Akta Mahkamah Syariah (Bidang kuasa Jenayah) (Pindaan dan Perluasan) 1989 berhubungan dengan Negeri-Negeri Sabah dan Sarawak,”. Pindaan seksyen 3. Akta....

HURAIAN

Rang Undang-Undang ini bertujuan meminda Akta Mahkamah Syariah (Bidang kuasa Jenayah) 1965, dan melalui *fasal 2* memperluaskan pemakaian Akta itu sebagaimana dipinda bagi semua Negeri di Malaysia.

2. *Fasal 3* seterusnya meminda seksyen 3 Akta ibu untuk mengesahkan semua perbicaraan bagi kesalahan-kesalahan yang mungkin telah dimulakan di Mahkamah Syariah di Negeri Sabah dan Sarawak sebelum mula berkuatkuasanya Akta pindaan dan perluasan ini di Negeri-Negeri tersebut.

IMPLIKASI KEWANGAN

Rang Undang-Undang ini tidak akan melibatkan Kerajaan dalam apa-apa perbelanjaan wang tambahan. [PN. (U²) 1477.]

